



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 29 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ESSCOM, JABATAN PERIKANAN RANGKA STRATEGI TANGANI KEGIATAN BOM IKAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	EIGHT FISH FARMS IN JOHOR RUINED BY STORMS, NATION, THE STAR, M/S – 11	
3.	CUBAAN BAWA MASUK 30KG AKAR GINSENG TANPA PERMIT IMPOT GAGAL, LELAKI DITAHAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	TERNAKAN KERANG BERI PENDAPATAN LUMAYAN NELAYAN SUNGAI TINGGI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	'KERA BERANI MATI' TARIKAN FESTIVAL DURIAN KAMPUNG GAJAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	18

ESSCOM, Jabatan Perikanan rangka strategi tangani kegiatan bom ikan

Lahad Datu: Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan Jabatan Perikanan Malaysia akan merangka strategi jangka panjang bagi menangani kegiatan pengeboman ikan di kawasan Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE).

Komander ESSCOM, Datuk Victor Sanjos berkata, aktiviti pengeboman ikan membawa ancaman kepada pemuliharaan khazanah laut khasnya batu karang yang begitu penting kepada sektor pelancongan negara.

Berikutan itu, beliau berkata, ESSCOM dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia akan melaksanakan beberapa perbincangan dalam

masa terdekat bagi merangka strategi bagi mencari penyelesaian masalah itu secara tunas.

Katanya, ia termasuk melancarkan operasi secara bersepadu dengan beberapa agensi berkaitan di kawasan hotspot yang menjadi lokasi berlakunya kegiatan berkeanaan.

"Tanggungjawab membasmi kegiatan bom ikan ini tidak hanya terletak di bahu pasukan keselamatan dan agensi penguat kuasa sahaja.

"Komuniti maritim di kawasan ESSZONE perlu memainkan peranan membantu pasukan penguat kuasa, menjadi mata dan telinga melaporkan kegiatan ini, se-

kali gus memastikan tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan segera," katanya selepas menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Jabatan Perikanan Sabah, Datin Dr Shuhadah Mustapha pada Isnin.

Victor berkata, selain penguatkuasaan, ESSCOM dengan kerjasama Jabatan Perikanan akan melaksanakan sesi libat urus di lokasi tumpuan dengan mengadakan kempen kesedaran bertemakan 'Katakan Tidak kepada Bom Ikan' dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, libat urus itu antara lain bertujuan mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak berurusan atau

memulaukan penjualan ikan yang menjual hasil tangkapan ikan yang ditangkap menggunakan bom ikan.

"Kita juga bercadang memperluaskan kempen kesedaran menggunakan saluran radio tempatan supaya seluruh komuniti maritim sedar mengenai kesan negatif sekiranya kegiatan ini tidak dibanteras dengan jayanya.

"Seluruh penduduk ESSZONE perlu sedar bahawa khazanah alam dan ekosistem laut ini perlu dijaga dengan sebaiknya bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat yang bergantung dengan hasil tangkapan laut selain penting bagi sektor pelancongan," katanya.

Eight fish farms in Johor ruined by storms

By YEE XIANG YUN

xiangyun@thestar.com.my

PONTIAN: Sudden strong winds and high tides that hit Kukup waters have destroyed eight floating fish farms, causing losses of close to half a million ringgit in total.

Kampung Baru Ayer Masin village chief Lim Hong Peng said out of the eight fish farms, four were badly affected, with some facing total losses as the wooden platforms used to breed and rear fish were torn apart.

"We noticed strong winds and currents a few days prior but did not expect the sudden wave to hit the fish farms so badly at around 10.30pm on Saturday.

"The affected operators are reeling from the shock as many of them have been running the fish farms for more than 20 years, and some are second-generation owners. They are still assessing their losses but we estimate it to go over RM400,000," he said when interviewed.

He added that operators have been cleaning up the debris manually over the past few days, and



Utter devastation: The storm has caused damages estimated to be as high as half a million ringgit.

the process could take up to a month to complete.

"Based on discussions with the operators, the work could be sped up with the help of bigger boats and we have also brought up the matter with Pekan Nanas assemblyman Tan Eng Meng.

"The destroyed fish farms can no longer operate at the moment because the fish have all swum away," he said, adding that some

nearby houses on stilts were also damaged by debris that washed up from the rough seas.

Meanwhile, Tan said that of the over 60 floating fish farms in the area, only a small number were affected by the wave.

"The incident is not expected to disrupt fish supply.

"Still, it is heartbreaking to see the operators' decades of hard work destroyed overnight by the

strong winds," he said.

Tan, alongside Tanjung Piai MP Datuk Seri Dr Wee Jock Seng and officers from the Johor Fisheries Department, visited the site to assess the damage and speak to those affected.

Tan said the department will return today to assist operators in documenting their losses so that they can apply for government aid.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2025	HARIAN METRO	LOKAL	5



PEGAWAI AKPS menggagalkan cubaan seludup akar ginseng dari China di KLIA.

Cubaan bawa masuk 30kg akar ginseng tanpa permit import gagal, lelaki ditahan

Kuala Lumpur: Cubaan lelaki membawa masuk 30 kilogram akar ginseng tanpa permit import sah dari China gagal selepas dia ditahan anggota Agensi Kawalan dan Penguatkuasaan (AKPS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

AKPS KLIA dalam satu kenyataan memaklumkan,

suspek adalah warga tempatan berusia 42 tahun ditahan pada Sabtu lalu.

"Akar ginseng tersebut dikesan semasa pemeriksaan bagasi melalui mesin pengimbas.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemui akar ginseng seberat kira-kira 30 kilogram dengan nilai anggaran RM7,000," katanya dalam

kenyataan di sini, semalam.

Katanya, siasatan mendapati suspek tiba dari China dan gagal mengemukakan sebarang dokumen sah seperti permit import Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Sijil Fitosanitasi dan Sijil 3P Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA).

"Kes disiasat di bawah Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana membawa masuk komoditi pertanian tanpa permit import yang sah.

"Komoditi berkenaan telah disita untuk tindakan lanjut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Ternakan kerang beri pendapatan lumayan nelayan Sungai Tinggi

TAIPING - Kejayaan mengusahakan projek ternakan kerang sejak lebih dua dekad lalu membolehkan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sungai Tinggi menikmati pulangan lumayan bagi memperkasa sektor ekonomi komuniti nelayan setempat.

Pengurus Besar PNK Sungai Tinggi, Rizuan Razak berkata, projek ternakan kerang yang dijalankan di kawasan seluas 80 hektar di Sungai Tinggi, Trong kini menjadi antara sumber utama pendapatan ahli persatuan dengan hasil jualan mencecah antara RM600,000 hingga RM700,000 setahun sekali gus membolehkan mereka menambah aset baharu.

Menurutnya, projek ternakan kerang itu mendapat suntikan awal daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak pada tahun 2024 melalui peruntukan sebanyak RM250,000.

"Daripada keuntungan bersih kira-kira RM400,000 tahun lalu, kita mampu membeli dua buah bot baharu untuk kegunaan pelancongan dan rekreasi.

"Bot ini digunakan untuk membawa pelancong menyusuri sungai, aktiviti memancing serta memberi makan helang di kawasan sekitar," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Perasmian Bot Agropelancongan Anadara Granosa oleh Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun di Jeti



Mohd Zolkafly (tengah) menyempurnakan Perasmian Bot Agropelancongan Anadara Granosa di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Kerang di sini baru-baru ini.

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Kerang di sini baru-baru ini.

Rizuan berkata, selain menjana pendapatan utama melalui ternakan kerang,

PNK Sungai Tinggi turut mengembangkan aktiviti agropelancongan dengan memanfaatkan sumber alam semula jadi yang tersedia.

Menurutnya, ketika ini PNK Sungai Tinggi mempunyai empat buah rumah rakit bagi menampung kehadiran pelancong tempatan dan luar untuk merasai suasana dikelilingi laut.

"Setiap rumah rakit boleh menampung 10 orang pada satu-satu masa. Secara

purata, kita menerima 300 hingga 400 pengunjung sebulan dan jumlah itu meningkat terutama pada musim cuti umum serta hujung minggu.

"Disebabkan permintaan semakin tinggi, kita tambah dua buah bot lagi, menjadikan keseluruhan empat buah bot bagi menampung keperluan pelancong," katanya.

Tambahnya, kadar bayaran untuk aktiviti pelancongan itu ialah sekitar RM30 seorang bagi aktiviti menyusuri sungai, manakala bagi pakej bermalam di rumah rakit, bayaran dikenakan sekitar RM70 seorang semalam.

Setakat ini, PNK Sungai Tinggi mempunyai seramai 13 pekerja tempatan



RIZUAN

dengan lapan orang menguruskan kawasan ternakan kerang dan lima lagi bertanggungjawab terhadap operasi rumah rakit serta bot rekreasi.

Menurut Rizuan, selain digunakan untuk membeli aset dan menampung kos operasi, keuntungan hasil perniagaan turut diagihkan dalam bentuk dividen antara lima hingga 10 peratus kepada 1,400 ahli persatuan.

"Selain memberi pulangan kepada ahli, kita juga salurkan sebahagian hasil keuntungan untuk program kebajikan seperti pembayaran zakat, bantuan baik pulih rumah dan sumbangan komuniti," katanya.

Inisiatif yang dijalankan oleh PNK Sungai Tinggi ini selaras Pelan Perak Sejahtera 2030 yang digagaskan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dengan menekankan pembangunan ekonomi berasaskan sumber tempatan serta peningkatan kesejahteraan komuniti luar bandar di bawah *Flagship* Ekonomi Pengalaman.

'Kera berani mati' tarikan Festival Durian Kampung Gajah

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamula.com.my

PASIR SALAK: Durian kampung yang dikenali dengan nama unik 'kera berani mati' menjadi tumpuan pengunjung pada Festival Durian Antarabangsa Kampung Gajah 2025 yang sedang berlangsung di Institut Agro dan Keusahawanan (Igrow) di sini.

Pengerusi Persatuan Pembangunan Komuniti Perak Tengah, Nordin Abdul Malek berkata, durian itu dinamakan sedemikian kerana keghairahan sekumpulan kera mendapatkan raja buah tersebut, walaupun dihalau berkali-kali.

"Nama durian kera berani mati ini tercetus apabila kami dapati kera tetap datang memakan durian jenis ini, walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk menghalau.

"Ada yang datang seawal pukul



PENGUNJUNG merasai keenakan durian kampung sempena Festival Durian Antarabangsa Kampung Gajah 2025 yang sedang berlangsung di Igrow, Pasir Salak, Perak.

4 pagi, malah pada waktu tengah hari dan malam pun mereka berani masuk ke dusun. Dari situ timbul gelaran 'kera berani mati' katanya.

Mengulas mengenai festi-

val berkenaan, Nordin berkata, ia dianjurkan oleh Persatuan Pembangunan Komuniti Daerah Perak Tengah dengan kerjasama Igrow bermula 15 Oktober hingga 30 November di Kompleks Desa

Warisan Igrow.

Katanya, festival itu diadakan bagi mengangkat durian Kampung Gajah sebagai produk agrotani bertaraf global, selain menghimpunkan pelba-

gai pihak termasuk komuniti, usahawan, institusi pendidikan serta media.

"Festival selama lebih sebulan ini turut menampilkan pelbagai aktiviti interaktif dan berunsur pendidikan yang melibatkan pelajar sekolah, institusi pendidikan tinggi awam dan swasta serta pelajar antarabangsa.

"Penyertaan golongan muda penting untuk memupuk minat terhadap pertanian moden dan inovasi dalam industri durian, selain memperkenalkan potensi Kampung Gajah sebagai destinasi agropelancongan utama," katanya.

Beliau berkata, festival itu juga bertujuan mengembalikan kegemilangan durian Kampung Gajah yang pernah menjadi ikon buah tempatan serta memperkenalkannya semula sebagai produk premium berpotensi besar di pasaran antarabangsa.